

Author: Rafidah Mat Ruzki, Muhammad Yusri Muzamir dan Ekhwan Haque Fazlul Haque
Section: Nasional • Audience : 82,252 • Page: 3 • Printed Size: 499.00cm² • Region: KL
Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 16,523.00 • Item ID: MY0038249887

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Gangguan bekalan air berulang

1.5 juta penduduk 366 kawasan terjejas

Bekalan hanya akan pulih dalam dua hingga tiga hari

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Muhammad Yusri Muzamir dan Ekhwan Haque Fazlul Haque
bhnews@bh.com.my

Bangi: Lebih 1.5 juta penduduk di 366 kawasan di Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terjejas susulan penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih akibat pencemaran bau sejak pagi kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian, berkata bekalan air membabitkan 336,930 akaun pengguna itu hanya akan pulih dalam dua hingga tiga hari jika nilai pencemaran air berada pada paras sifar ton, iaitu tiada langsung pencemaran bau.

"Operasi pembersihan sisa kimia sehingga paras bau mencapai bacaan sifar ton sedang giat dijalankan sejak semalam (kelmarin) sebelum air dapat dilepaskan semula ke Sungai Semenyih untuk diproses di LRA.

"Pemantauan dan persampelan yang dijalankan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) di Sungai Beranang dan sehingga jam 9.30 pagi tadi (semalam) paras bau sudah mencapai sifar ton dan di harap berterusan bagi membolehkan air disalurkan semula ke sungai untuk diproses," katanya pada sidang media di Loji Kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) di Bandar Bukit Mahkota, di sini, semalam.

Sementara itu, bekalan air di dua hospital kerajaan iaitu di Hos-



Loy Sian memantau proses penyedutan bahan kimia berhubung insiden pencemaran bau yang mengakibatkan LRA terpaksa ditutup di Bandar Bukit Mahkota, Bangi, semalam. (Foto Azhar Ramli/BH)

pital Serdang dan Hospital Banting dicatu berikutan kejadian penutupan loji air di Semenyih, Selangor.

Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisyam Abdullah, menjelaskan ca-tuan itu terpaksa dilakukan bagi memastikan perkhidmatan kesihatan di hospital berkenaan dapat dijalankan.

"Catuan air terpaksa dijalankan untuk memastikan perkhidmatan kesihatan seperti pembedahan dan lain-lain dapat dijalankan," katanya menerusi ci-apan di laman Twitternya, awal pagi semalam.

Hospital Serdang menerusi sta-tus di laman Facebooknya me-

maklumkan sudah mengaktifkan pelan kontingensi gangguan be-tukan air.

"Sehubungan itu, semua pihak dinasihatkan untuk mengguna-kan air dengan berhemah. Ker-jasama semua pihak amatlah di-hargai," katanya.

Sementara itu, LUAS, dalam sa-tu kenyataan, memaklumkan lim-pahan minyak kehitaman dikesan pada satu pembetung dalam ja-ringan sistem pembetulan di Bandar Bukit Mahkota.

Sehubungan itu, pelepasan air ke sungai dihentikan dan rawatan menggunakan Hidrogen Peroksi-da kristal (CHP) dimulakan pada jam 1 tengah hari kelmarin.

"Kerja pembersihan dan penye-

dutan bahan yang disyaki sisa bahan terjadual itu mula dilaku-kan pada jam 4 petang oleh pihak IWK, menggunakan dua lori tang-ki berkapasiti lima meter padu.

"Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, juga men-garahkan intervensi segera pi-hak IWK untuk meneruskan kerja pembersihan dan penyedutan sisa itu supaya implikasi pencemaran dapat dikurangkan dan bekalan air terawat dapat disalurkan se-mula dengan kadar segera.

"Karbon yang diaktifkan juga disediakan oleh LUAS dalam ke-adaan siap siaga sekiranya diper-lukan di takat pelepasan akhir LRK ke sungai," menurut kenya-taan itu.



23 Dec 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Audience : 82,252 • Page: 55
Printed Size: 168.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white
ASR: MYR 2,843.08 • Item ID: MY0038249845



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Selangor rancang model perniagaan, jana dana

Kajang: Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) berada dalam proses 'berdikari' untuk membentuk model perniagaan yang mampu menjana pendapatan sendiri pada masa akan datang.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mengesahkan pihaknya sentiasa mengadakan perbincangan bersama barisan kepimpinan FAS yang diketuai Presidennya, Tengku Amir Shah mengenai perkara itu.

Beliau menjelaskan, perancangan mengenai model perniagaan itu termasuk untuk memastikan FAS tidak lagi

perlu bergantung sepenuhnya terhadap dana daripada kerajaan negeri dalam menguruskan pasukan.

"Setakat ini ada pelan (perniagaan), tapi sejauh mana pelan itu boleh diguna pakai dan sesuai untuk kelestarian sistem bola sepak Selangor, kita belum tengok lagi.

"Kita kena tengok perlahan-lahan, tapi ada dalam proses. Paling penting saya rasa penyokong juga harus dididik untuk memberikan ruang kepada satu pelan perniagaan itu berjalan.

"Penyokong kena sokong, kena pergi stadium dan kena

beli barangan cenderunghati pasukan. Penyokong kita ke stadium dan beli barangan pasukan bila masuk separuh akhir atau final.

"Jadi, penyokong kena mainkan peranan sebab mereka terbabit dalam kitaran perniagaan (bola sepak) yang sangat besar," katanya ketika ditemui pada pertandingan golf amal PFAM 2019 di Impiana Golf & Country Club, semalam.

Selain itu, Amirudin turut menjelaskan pasukan dalam Liga Malaysia (Liga M) perlu keluar daripada pendekatan hanya mengharapkan dana kerajaan negeri untuk mengurus pa-

sukan pada masa akan datang.

"Pada ketika ini (pasukan) masih perlu (bantuan kerajaan negeri), tapi kena ada jalan keluar. Kita tak boleh bergantung selamanya kepada satu dana, maknanya kena ada pelan perniagaan.

"Tiada lagi pasukan yang ada pelan perniagaan yang lengkap. Kalau kita nak dapat kejayaan dalam tempoh singkat boleh, ada pasukan yang dapat dengan berbelanja besar, bayar pemain hingga AS\$50,000 (RM207,000), ambil ramai pemain terbaik di Malaysia. Tapi berapa lama boleh bertahan?," katanya.



23 Dec 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Audience : 82,252 • Page: 2
Printed Size: 157.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white
ASR: MYR 2,647.00 • Item ID: MY0038249858



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Tutup lurang kumbahan Bandar Bukit Mahkota: MB

Shah Alam: Kerajaan negeri mengarahkan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) menutup secara kekal semua lurang kumbahan di loji rawatan di Bandar Bukit Mahkota, Bangi untuk memastikan insiden pembuangan sisa kimia tidak berulang.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata penutupan secara kekal itu perlu berikutan lokasi pencemaran terbaru berdekatan lokasi pencemaran yang

berlaku pada September lalu.

"Kita akan menutup dan mengehadkan laluan ke tempat pembuangan sisa berkenaan kerana ia adalah lokasi yang hampir sama dengan kejadian pencemaran pada September lalu.

"MPKj sudah diarahkan untuk menutup kawasan itu supaya tidak boleh dilalui dan ia juga akan ditambah sebagai satu lagi tempat yang akan dipantau oleh sistem kamera litar tertutup (CCTV)," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, sehingga jam 4 petang semalam, kerja pembersihan hampir selesai dan nilai pencemaran air sudah mencapai tahap satu ton.

Katanya, air pada satu ton sudah selamat digunakan tetapi berikutan bau yang kurang baik, pengguna tidak yakin untuk menggunakannya.

"Kita menunggu nilai air mencapai kosong ton (tiada pencemaran bau) dan harapan kita pada jam 10 atau 11 malam ini (malam tadi),

kita boleh menyalurkan semula air ke akaun terjejas," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian, berkata melalui perbincangan yang dijalankan, IWK bersetuju menutup semua 20 lurang kumbahan di kawasan itu secara kekal.

"Ini untuk mengelakkan sebarang orang membuka lurang berkenaan," katanya.



Batal lesen, dakwa syarikat langgar syarat

Kuala Lumpur: Syarikat Kredit Komuniti yang gagal mematuhi syarat dan garis panduan ditetapkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berdepan tindakan tegas termasuk dibatalkan lesen dan pendakwaan di mahkamah.

Amaran itu dikeluarkan Menteri KPKT, Zuraida Kamaruddin kepada 4,292 syarikat yang berdaftar dengan kementerian itu jika didapati gagal memenuhi garis panduan ditetapkan.

Beliau berkata, KPKT bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memantau semua syarikat Kredit Komuniti supaya tidak menjalankan perniagaan melampaui batas undang-undang.

“Jika ada aduan dan laporan, KPKT tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap syarikat terbabit. Setiap laporan yang diterima akan disiasat dengan kerjasama polis,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Kejohanan Bola Sepak Piala YB Zuraida Kamaruddin di padang bola Tasik Tambahan di sini, semalam.

BH dalam laporan muka depannya semalam mendedahkan penjenamaan semula syarikat Pembiayaan Pinjam Wang (PPW) kepada Kredit Komuniti dilihat gagal menyerahkan imej baharu yang mahu ditampilkan bagi perkhidmatan itu.

Format papan tanda syarikat Kredit Komuniti

Logo Kredit Komuniti | Memaparkan jenama 'Perkhidmatan Kredit Komuniti' | Wajib menggunakan warna lavender | Memaparkan kadar faedah maksimum

PERKHIDMATAN KREDIT KOMUNITI
 LAMAN WEB ADUAN : <http://aduan.kpkt.gov.my>
 KADAR BERSIH PINJAMAN TIDAK MELIBAH 12% SETAHUN (BERCAGAR) 18% SETAHUN (TIDAK BERCAGAR)

SYARIKAT ABC SDN BHD
 NO. LESEN : WL6589/01/01 NO. PERMIT IKLAN : WP6589/01/01
 NO. 456 JALAN 1/1 TAMAN XXX, 50000 KUALA LUMPUR
 NO. TEL : 03-12345678

Logo syarikat | Butiran lesen dan permit iklan | Nama syarikat | Laman sesawang aduan KPKT | Kod QR | Alamat

Warna latar mengikut kehendak syarikat

Format yang disediakan oleh KPKT | Format AI : Saiz 2 kaki x 6 kaki Resulasi : 300 pixels/inci | Bagaimanapun, saiz adalah tertakluk kepada kelulusan PBT

Selepas lapan bulan ia dilancarkan, majoriti syarikat PPW belum memenuhi garis panduan yang ditetapkan KPKT di bawah program berkenaan, termasuk tidak memasang papan tanda mengikut spesifikasi sebagai

Kredit Komuniti. Malah berdasarkan aduan yang diterima Bahagian Kawalan Kredit Komuniti KPKT, ada syarikat terbabit mengenakan faedah melebihi kadar ditetapkan iaitu 12 peratus setahun atau satu peratus

sebulan bagi pinjaman bercagar, manakala 18 peratus setahun atau 1.5 peratus sebulan untuk pinjaman tanpa cagaran.

Mengenai laporan hanya 11 daripada 4,292 syarikat yang berdaftar dengan KPKT memasang

papan tanda sebagai syarat untuk mengiklankan perkhidmatan, Zuraida berkata, kelewatan memasang papan tanda berkenaan disebabkan ia dilakukan secara berperingkat.

“Ketika kita melancarkan Kredit Komuniti tahun ini, kebanyakan syarikat terbabit menunggu sehingga mereka memperbaharui lesen masing-masing sebelum memasang papan tanda berkenaan.

“Bagaimanapun, tahun depan sama ada lesen mereka belum diperbaharui dan sebagainya, mereka kena pasang papan tanda baharu seperti ditetapkan syarat lesen,” katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Zuraida berkata, pengambilalihan tapak tanah bangunan Highland Towers di Hulu Klang akan dimuktamadkan pada 8 Januari ini.

“Isnin lalu, saya berjumpa Menteri Besar Selangor (Datuk Seri Amirudin Shari) dan beliau akan membawa isu tanah Highland Towers ke mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 8 Januari ini.

“Insya-Allah akan dimuktamadkan 8 Januari ini,” katanya.

Amirudin sebelum ini dilaporkan pengambilalihan tapak tanah bangunan Highland Towers tidak boleh diselesaikan sebelum akhir tahun ini berikutan beberapa proses yang perlu diselesaikan membolehkan pengambilalihan tanah berkenaan.



Akta air pincang

Gangguan bekalan air yang berulang di Lembah Klang dengan terbaharu **1.5 juta pengguna terjejas** selepas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih ditutup akibat pencemaran bau sejak pagi kelmarin, memerlukan penyelesaian komprehensif termasuk meminda undang-undang lapuk serta sistem penyaluran yang selamat bagi memastikan tiada pihak melakukan khianat. **Muka 2, 3**

Eksklusif

Kakitangan Indah Water Selangor menyedut sisa kimia dalam lurang kumbahan di Bandar Bukit Mahkota, Bangi berhubung insiden pencemaran bau sejak semalam.
(Foto Azhar Ramli/ BH)



Gangguan bekalan air berulang

Pesalah buang sisa bayar ganti rugi

Pindaan akta perlu dilaksanakan pastikan tiada pihak khianat

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Norhafzan Jaafar, Luqman Arif Abdul Karim dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gangguan bekalan air yang berulang di Lembah Klang memerlukan tindakan penyelesaian komprehensif membatalkan pindaan undang-undang serta sistem penyaluran yang selamat bagi memastikan tiada pihak melakukan khianat.

Insiden pencemaran bau yang semakin berleluasa ketika ini berpunca daripada kelompangan peruntukan akta sehingga pesalah tidak gerun berdepan denda minimum, berbanding kos melantik pengurusan pihak ketiga.

Kepincangan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) itu memberi laluan segelintir syarikat menjadikan sungai, lurang dan parit sebagai saluran pembuangan sisa tanpa memikirkan impak terhadap bekalan air pengguna serta

ekosistem semula jadi.

Mengorak langkah untuk menghentikan insiden sedemikian, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran, mengusulkan supaya kerajaan memasukkan klausa baharu mewajibkan pesalah membayar ganti rugi setimpal terhadap pengguna dalam peruntukan Akta 127.

Menerusi Seksyen 47, akta yang diwartakan pada 1974 itu hanya memperuntukkan kuasa bagi ketua pengarah menuntut kos dan perbelanjaan membersihkan sebarang pencemaran didalangi pesalah selepas didakwa dan dibuktikan di mahkamah.

"Kita pernah usulkan kepada kerajaan untuk lindungi kepentingan pengguna yang terjejas setiap kali berlaku isu pencemaran sebegini kerana syarikat pembekal dan rawatan air, selain restoran, kilang serta pemilik akaun domestik berdepan kerugian.

"Justeru, perlu ditambah satu subseksyen baharu untuk mewajibkan pembayaran ganti rugi setimpal kepada pengguna setiap kali berlaku isu pencemaran supaya mereka yang sebelum ini tidak gerun dengan undang-undang sebelum ini terpaksa menampung kos lebih tinggi setiap kali melakukan kesalahan.



"Jangan biar pesalah terlepas begitu saja dengan sekadar membayar kos pembersihan dan selang beberapa bulan kembali mengulangi kesalahan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau mengulas kejadian Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih yang terpaksa dihenti tugas sepenuhnya sejak kelmarin susulan pencemaran bau di Sungai Semenyih akibat pembuangan sisa secara haram ke dalam lurang kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Keadaan itu menyebabkan 348 kawasan membabitkan 1.5 juta pengguna di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual.

Mengenai mekanisme penilaian ganti rugi, Piarapakaran berkata ia boleh ditentukan menerusi pengiraan 'prorata' bulanan setiap akaun pengguna domestik atau komersial.

Katanya, pembayaran ganti rugi itu boleh disalurkan kepada syarikat pembekalan air sebelum diagihkan mengikut pengiraan prorata kadar penggunaan sebulan yang dikreditkan ke akaun pengguna dalam bentuk rebat.

"Usah beri alasan bahawa kerana ini sukar dilaksanakan kerana ia sangat rumit. Pembayaran ganti rugi berteraskan pendekatan ini akan menjadi mudah jika wujud sistem perakaunan pengguna," katanya yang menawarkan diri memperincikan mekanisme itu dengan pihak berkenaan.

Sementara itu, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) meneliti beberapa mekanisme,

termasuk memberi 'imbuhan' kepada pemberi maklumat, bagi menangani perbuatan membuang sisa haram ke sistem kumbahan.

Pengerusi SPAN, Charles Santiago, berkata adalah mustahil menempatkan anggota pemantau di setiap lurang atau lubang periksa kumbahan daripada disalahgunakan pihak tidak bertanggungjawab.

"Perincian berhubung mekanisme itu akan diperincikan lebih lanjut menerusi mesyuarat bersama Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK)," katanya ketika dihubungi semalam.

Charles berkata, SPAN perlu bertindak segera kerana ada pihak tidak bertanggungjawab mengambil jalan singkat menjadikan lurang sebagai 'lubuk' pembuangan sisa haram.

Katanya, mereka terbahit bertindak sedemikian kerana tidak mahu mengeluarkan belanja menggunakan perkhidmatan pihak ketiga untuk mengurus pembuangan sisa secara teratur.

"Berkemungkinan mereka ada kunci untuk buka manhole (lurang) atau pecahkan sebelum membuang sisa yang akhirnya menyebabkan pencemaran bau.

"Tindakan ini sangat tidak bertanggungjawab, malah menyebabkan kerugian menjangkau berbilion ringgit dan menyusahkan jutaan pengguna yang terjejas apabila operasi perkhidmatan air terpaksa dihentikan," katanya.

SPAN, dalam kenyataan semalam, turut memaklumkan kertas siasatan berhubung kes pencemaran bau itu akan dihantar kepada pihak pendakwa raya supaya tindakan tegas diambil terhadap pihak yang melakukan perbuatan tidak bertanggungjawab berkenaan menerusi Akta Industri Perkhidmatan Air (Akta 655).

Sementara itu, Pakar Geologi, Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata pembekal perkhidmatan air bersih perlu mencari pendekatan lebih baik bagi mengelak pencemaran air mentah, sekali gus memastikan bekalan air bersih tidak terjejas.

Beliau berkata, sistem saluran paip terus dari sumber bekalan di empangan ke loji pembersihan air seperti dilaksanakan di kebanyakan negara maju perlu dipertimbangkan bagi mengelak berulang pencemaran air mentah ke LRA.



Gangguan bekalan air di Selangor sepanjang 2019

19 Mac Bekalan air di 59 kawasan Petaling, Hulu Langat dan Sepang terjejas akibat gangguan elektrik yang menghentikan operasi beberapa rumah pam di Seri Kembangan.

24 April Gangguan bekalan sehingga 86 jam di Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Kuala Selangor susulan kerja pembaikan perkerasan kritikal sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2).

5 Mei Gangguan air sekitar Klang susulan tiga paip utama kendalian Air Selangor pecah berhampiran projek pembinaan Lebuhraya West Coast Expressway (WCE) Banting-Talping.

16 Mei Gangguan air di sekitar Shah Alam susulan kerosakan pam utama di LRA SSP3.

3 Jun Bekalan air di Klang dan Kuala Langat terjejas selepas paip utama bersaiz 1,800 millimeter (mm) pecah di Setia Alam.

7 Jun Pengeluaran air terawat LRA Sungai Langat terjejas akibat alat penapis mekanikal tersumbat.

17 Jun Sebanyak 33 kawasan di Selangor mengalami gangguan air tidak berjadual susulan paip pecah di Taman Prima Sri Gombak, Gombak.

26 Jun Sebanyak 31 kawasan di Klang mengalami gangguan air selepas paip utama 1,050mm dari Kolam Terminal Bukit Jelutong ke Kolam Lipat Kajang bocor.

19 Julai Gangguan bekalan air dan tekanan air rendah di Lembah Klang susulan henti tugas sementara LRA SSP1, SSP2 dan SSP3.

20 Julai LRA Rantau Panjang dihenti tugas susulan pencemaran bau di sumber air mentah Sungai Selangor. LRA SSP1, SSP2, SSP3 dan Rantau Panjang dihentikan operasi disebabkan pembuangan bahan berasaskan minyak di loji rawatan kumbahan serantau IWK di Batang Kali.

21 Julai Empat LRA berkenaan ditutup semula selepas Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) mengesan minyak diesel mencemari sumber air mentah Sungai Selangor.

28 September Kira-kira 372,031 pemegang akaun di 204 kawasan di Selangor terjejas bekalan air apabila operasi LRA Sungai Semenyih dihentikan susulan pencemaran bau di Sungai Semenyih.

15 Oktober Kerosakan sistem elektrik LRA Sungai Langat menyebabkan 5 pam air mentah tidak dapat berfungsi.



Jangan biar pesalah dengan sekadar membayar kos pembersihan dan selang beberapa bulan kembali mengulangi kesalahan.

S Piarapakaran,
Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER)



23 Dec 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Audience : 82,252 • Page: 3
Printed Size: 343.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 11,401.35 • Item ID: MY0038249842



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Penduduk gesa kerajaan ambil tindakan segera

Subang Jaya: Kerajaan digesa mengambil tindakan segera bagi mengatasi gangguan bekalan air bersih akibat pencemaran sumber air mentah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga memaksa operasi loji rawatan air dihentikan.

Tinjauan *BH* di sini mendapati orang ramai yang sering terjejas dengan masalah itu amat marah dan kecewa kerana masalah itu masih berulang biarpun sudah beberapa kali berlaku.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) Zon 3, Datuk Noor Azman Abdul Rahman, 52, berkata penduduk yang terjejas amat kecewa kerana masalah ini masih berlaku.

"Ini bukan kali pertama, sudah banyak kali ia berlaku. Saya menggesa kerajaan dan pihak berkenaan untuk mengambil tindakan tegas dengan segera sebelum masalah ini terus menjejaskan kehidupan orang ramai," katanya kepada *BH* ketika dite-

mui semalam.

Pengurus syarikat logistik, Peter Pook, 42, berkata gangguan bekalan air untuk tempoh yang lama amat menyusahkan orang ramai terutama pada musim perayaan.

"Beberapa hari lagi Krismas akan menjelang, banyak persediaan perlu saya dan keluarga lakukan. Kalau berterusan tiada air sebegini, bagaimana kami hendak membuat persiapan menyambut Krismas.

"Sekarang ini, saya dan keluarga terpaksa menginap di rumah rakan kerana di rumah kami tiada bekalan air," katanya.

Seorang jurutera, Shammugam Inderan, 43, pula berkata beliau sudah jemu dengan alasan sama yang diberikan pihak berkuasa setiap kali berlaku gangguan bekalan air sedangkan tiada tindakan diambil.

"Alasan sama sahaja yang diberikan iaitu pencemaran air dan bau. Tetapi sampai sekarang tiada lagi tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap mereka yang bertanggungjawab menyebabkan pencemaran itu," katanya.



Saya menggesa kerajaan dan pihak berkenaan ambil tindakan tegas dengan segera sebelum masalah ini terus jejakkan kehidupan orang ramai.

Noor Azman Abdul Rahman,
Timbalan Pengerusi
Jawatankuasa Penduduk MPSJ



Penduduk mengisi air dalam bekas simpanan air dari paip awam di Subang Jaya, semalam.
(Foto Azlah Azmee/BH)



Tukar papan tanda ikut logo baharu

Syarikat PPW perlu tukar papan tanda seperti ditetapkan tahun hadapan

KUALA LUMPUR

Semua syarikat pemberi pinjaman wang (PPW) atau kini dikenali sebagai syarikat Kredit Komuniti yang berdaftar dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dikehendaki menukar papan tanda mengikut logo baharu yang ditetapkan pada

tahun hadapan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin berkata, kebanyakan syarikat tersebut masih belum menukar papan tanda dengan alasan hanya akan berbuat demikian selepas proses memperbaharui lesen syarikat masing-masing dilakukan.

"Kita faham ada di antara syarikat yang menunggu lesen mereka 'mati' baru nak tukar papan tanda selepas memperbaharui lesen syarikat, jadi sebab itu ada yang lewat.

"Justeru, selepas kita teliti bermula 2020, mereka kena terus tukar dan tidak

perlu lagi menunggu sehingga tarikh memperbaharui lesen, baru nak berbuat demikian," katanya kepada pemberita di kejohanan bola sepak Piala Zuraida Kamaruddin di padang bola Tasik Tambahan di sini semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam berhubung daripada lebih 4,000 syarikat Kredit Komuniti yang berdaftar dengan KPKT, hanya 11 yang telah menukar papan tanda seperti diarahkan.

Pada April lepas, semua 4,115 PPW yang berdaftar diberi tempoh tiga bulan untuk menukar papan tanda mengikut logo baharu



ZURAIDA

yang ditetapkan, antaranya bertujuan membezakannya dengan syarikat tidak berdaftar bagi mengelak pengguna terpedaya.

Mengulas dakwaan ter-

dapat syarikat Kredit Komuniti yang mengenakan kadar faedah yang tinggi, beliau berkata, sekiranya aduan itu benar, pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat terbabit.

"Setakat ini belum ada laporan tetapi jika ada, kita akan siasat," katanya.

Dalam perkembangan lain, Zuraida berkata, Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) dijangka akan mengadakan perbincangan berhubung proses mengambil alih tanah bagi cadangan pembangunan semula kondominium Highland Towers pada 8 Januari depan.

"Saya telah berbincang dengan Menteri Besar (Datuk Seri Amirudin Shari) pada Isnin lepas dan ia akan dibawa ke MTES untuk diluluskan," katanya.

Sementara itu, Zuraida yang juga Ahli Parlimen Ampang berkata, padang bola Tasik Tambahan yang berusia kira-kira 20 tahun akan dinaik taraf dengan dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk tempat duduk berbumbung untuk penonton.

Secara tidak langsung katanya, ia dapat meningkatkan imej bandar itu menjadi sebuah bandar raya pada masa hadapan.
- Bernama



23 Dec 2019
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Audience : 140,000 • Page: 29
Printed Size: 74.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white
ASR: MYR 828.80 • Item ID: MY0038249750

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

336,930 akaun pengguna terjejas

SHAH ALAM

- Pemberhentian operasi loji rawatan air (LRA) Bukit Tampoi yang menerima sumber bekalan mentah dari Sungai Semenyih menyebabkan pertambahan kepada 336,930 akaun pengguna kini terjejas dengan gangguan bekalan air.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Halem Mat Som berkata, henti tugas LRA Bukit Tampoi itu terpaksa dilaksanakan petang kelmarin yang mengakibatkan kini kawasan terjejas bertambah kepada 366 kawasan.

“LRA Bukit Tampoi yang juga menerima sumber air mentah dari Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas pada jam 3.30 petang semalam (kelmarin).

“Henti tugas dua loji iaitu LRA Bukit Tampoi dan LRA Semenyih menyebabkan penambahan pengguna yang terjejas mengalami gangguan bekalan air,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



BAHAN KIMIA 'MENGALIR' KE RUMAH AIR BUSUK LAGI!

Pencemaran bau akibat pembuangan haram sisa kimia berjadual menjejaskan lebih 1.5 juta penduduk apabila Loji Rawatan Air Sungai Semenyih terpaksa ditutup sekali lagi. Lurang kumbahan yang tersorok dipercayai memudahkan pihak tertentu mengambil jalan pintas melupuskan bahan industri mengakibatkan pengguna terputus bekalan air bersih buat kali ketiga tahun ini, lapor Ekhwan Haque
Fazlul Haque

MS 2,984





isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



PENGERUSI Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy San (kanan) melihat saluran pembetungan yang tercemar di Bandar Bukit Mahkota, Bangi, semalam.



MINYAK kehitaman dalam sistem pembetungan IWK mengakibatkan arahan henti tugas di dua Loji Rawatan Air Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi.



Oleh Nur Lela Zulkipli
Nurlela@hmetro.com.my

SUNGAI SEMENYIH TERCEMAR

Shah Alam

Limpahan minyak kehitaman dikesan pada satu daripada pembetung dalam jaringan sistem pembetungan di Bandar Bukit Mahkota.

Ia susulan siasatan yang dijalankan terhadap sistem berkenaan ekoran pencemaran air Sungai Semenyih yang menyebabkan dua Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dihenti tugas.

Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dalam satu kenyataan berkata, selepas mengesan pencemaran berpunca daripada loji rawatan kumbahan (LRK) Indah Water Konsortium (IWK) Bukit Mahkota, pihak berkenaan menghentikan pelepasan air serta melaksanakan rawatan menggunakan hidrogen peroksida kristal (CHP) pada jam 1 tengah hari kelmarin.

Katanya, selepas mengesan pencemaran di satu pembetung di Bandar Bukit Mahkota pula, kerja pembersihan dijalankan.

"Kerja pembersihan dan penyedutan bahan yang disyaki sisa bahan terjadual itu mula dilakukan pada jam 4 petang oleh pihak IWK, menggunakan dua lori tangki berkapasiti lima

ALAMAK AIR TERPUTUS LAGI!

Dalang buang minyak dalam pembetung IWK diburu pihak LUAS

JARAK LRA SUNGAI SEMENYIH KE IWK BANDAR BUKIT MAHKOTA



Kerja pembersihan dan penyedutan bahan yang disyaki sisa bahan terjadual itu mula dilakukan pada jam 4 petang oleh pihak IWK, menggunakan dua lori tangki berkapasiti lima meter padu"

Lembaga Urus Air Selangor

dan sehingga jam 12.30 tengah malam tadi, bau sebanyak 3 ton masih dikesan di Sungai Beranang, selepas LRK terbabit manakala bau sebanyak 2 ton masih dikesan di muka sauk loji di Jenderam Hilir.

Katanya, Luas dan semua pihak terbabit berusaha menangani insiden berkenaan dengan segera serta mengenal pasti dalang kejadian itu.

meter padu.

"Menteri Besar Selangor (Datuk Seri Amirudin Shari) juga mengarahkan intervensi segera pihak IWK untuk meneruskan kerja pembersihan dan penyedutan sisa itu supaya

implikasi pencemaran dikurangkan dan bekalan air terawat disalurkan semula dengan kadar segera.

"Activated carbon juga disediakan oleh Luas dalam keadaan siap siaga sekiranya diperlukan di takat

pelepasan akhir LRK ke sungai," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kenyataan sama berkata, pemantauan dan pensampelan dijalankan di Sungai Beranang dan sekitar Persiaran Mahkota 2



KAKITANGAN IWK, Mahdini Sharaie, 38, melakukan pembersihan bahan kimia dalam saluran pembetungan di Bandar Bukit Mahkota, semalam.

KRONOLOGI PENCEMARAN MEMBABITKAN LRA SUNGAI SEMENYIH

- 21 Disember 2019:** Pembuangan sisa secara haram ke dalam lurang kumbahan IWK menyebabkan pencemaran bau kepada sumber bekalan air ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih. Ia menyebabkan 366 kawasan dengan akaun pengguna sebanyak 336,930 di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual.
- 28 September 2019:** Sebanyak 372,031 akaun pelanggan di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang mengalami gangguan bekalan air ekoran insiden pencemaran bau di sumber air mentah Sungai Semenyih.
- 26 Jun 2019:** LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas selepas pencemaran bau mencecah angka 7 ton dikesan di Sungai Semenyih. Ia berpunca daripada sebuah kilang di kawasan sekitar Semenyih.
- 23 Oktober 2017:** LRA Sungai Semenyih ditutup akibat pencemaran bau air sungai yang disyaki berpunca dari kawasan perindustrian Nilai, Negeri Sembilan.
- 23 September 2016:** LRA Sungai Semenyih terpaksa ditutup akibat pencemaran Sungai Semenyih yang disyaki berpunca dari Sungai Lalang di kawasan Hitech, Semenyih.



KETUA Penolong Pengarah Lembaga Urus Air Selangor, Nor Zamri Sondor (kanan) memberi taklimat kawasan pencemaran kepada Hee.

Bergilir dengan anak tadah bekalan air

Bangi: Penduduk kesal ada pihak mengambil jalan mudah membuang sisa kimia sehingga menyebabkan pencemaran air kembali berulang.

Mohd Fadzil Muskam, 46, berkata, tindakan sedemikian menyebabkan masalah kepada banyak pihak khususnya mereka yang berkeluarga kerana terpaksa menunggu lori tangki untuk mendapatkan bekalan air.

Beliau yang menetap di Kampung Rinching Hilir berkata, bekalan air yang dibawa lori sejak pagi tidak mencukupi kerana penduduk kampung berpusu-pusu mendapatkan bekalan.

"Saya sudah tunggu lori air sejak jam 11 pagi dan terpaksa



MOHD Fadzil

bergilir dengan anak untuk memastikan kami tidak terlepas jika bantuan air tiba.

"Rumah yang jauh dari jalan utama menyebabkan



JOHARI

kami perlu berulang-alik mendapatkan bekalan sejak air terputus semalam (kelmarin)," katanya.

Pesara, Johari Yusoff, 56,

sudah tiba masanya pasukan penguatkuasaan menggiatkan operasi untuk memastikan tiada pihak sewenang-wenangnya membuang sisa kimia.

Katanya, jika masalah ini berlarutan, ia sudah pasti membantutkan aktiviti seharian masyarakat setempat.

"Masalah sama udah berulang kali berlaku dan seakan-akan tiada penyelesaian jangka panjang. Penduduk harap tiada lagi masalah ini pada masa akan datang.

"Pihak industri juga perlu lebih bertanggungjawab untuk pastikan kontraktor yang dipilih melupuskan sisa kimia mengikut prosedur pelupusan ditetapkan kerajaan," katanya.



Gesa sediakan lokasi khas merokok

Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan meminta semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara menyediakan kawasan khas merokok di lokasi yang bersesuaian.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, arahan itu dibuat bagi menyokong inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mengeluarkan arahan larangan merokok di semua tempat makan awam bermula 1 Januari 2020.

Dalam satu kenyataan yang diedarkan semalam, Zuraida berkata, arahan penyediaan kawasan khas merokok itu akan dilaksanakan secara berperingkat di PBT terpilih.

"Pada 20 Disember lalu, saya sudah merasmikan tapak projek Senario Ampang dan Santai@Ampang Point dan kawasan khas merokok turut disediakan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam lingkungan jarak tiga meter dari tempat makan awam.

"Penyediaan kawasan merokok ini mematuhi arahan yang ditetapkan KKM," katanya.

Dalam pada itu, Zuraida berkata, perokok diminta tidak membuang puntung rokok merata-rata dan mengamalkan pembuangan sampah di tempat sesuai dan merokok di kawasan yang dibenarkan sahaja.

Beliau turut menggesa PBT melaksanakan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Larangan Pembuangan Sampah ke atas perokok yang membuang puntung rokok merata-rata.

“

**Jangan buang
puntung
merata-rata**

Zuraida Kamaruddin





CELIK KEWANGAN MAHASISWA

Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya (UMCARES) dengan kerjasama Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyasarkan untuk membantu golongan penuntut B40 di bawah LZS menerusi Program Literasi Kewangan yang dilaksanakan dalam beberapa siri bengkel pengurusan kewangan.

Penyelaras program, Prof Madya Dr Husaina Banu Kenyathulla berkata, program itu membantu

penuntut untuk mempelajari mengenai konsep asas pengurusan kewangan seperti menabung, berbelanja dan menderma.

"Bengkel ini turut memberi pendedahan kepada pengurusan kewangan bijak yang meliputi pelaburan dan perancangan kewangan masa depan.

"Program literasi kewangan juga menyasarkan pembabitan penuntut Ijazah Sarjana Muda di UM yang memberi penekanan kepada

perbelanjaan berhemat dan pengurusan wang biasiswa atau pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)," katanya.

Pelbagai aktiviti menarik sepanjang pelaksanaan program Celik Kewangan Mahasiswa turut diadakan seperti Bengkel Bijak Berbelanja, Bengkel Insurans dan Pelaburan serta Debat Kewangan untuk menarik minat pelajar menyertai program ini.

Sementara itu, fasilitator program Dr Mohd Nazri Abdul Rahman berkata, pelaksanaan program itu bukan sahaja memberi manfaat kepada penuntut untuk mengurus wang yang diperoleh bagi perbelanjaan harian, malah turut memberi pendedahan supaya bijak membuat pelaburan serta simpanan jangka panjang.

"Diharapkan seramai 23 penuntut yang melalui program intensif ini dapat memanfaatkan kadar celik kewangan serta berkongsi ilmu ini kepada lebih

ramai mahasiswa lain.

"Rata-rata peserta teruja dan menganggap program ini adalah penting kepada mahasiswa untuk mempunyai kefahaman yang jelas mengenai kewangan, perbelanjaan, pelaburan dan pengetahuan mengenai cara mengurus kewangan yang baik," katanya.

Mohd Nazri memberitahu, tahap kesedaran pengurusan kewangan atau celik kewangan dalam generasi muda khususnya

mahasiswa masih rendah dan membimbangkan.

Katanya, kemudahan berbelanja dalam talian dan jualan murah yang sering dipromosikan melalui media massa sering menjadi punca penuntut berbelanja lebih atau membeli sesuatu yang tidak diperlukan atau membazir.

"Akibatnya, mereka terpaksa mengikat perut atau berlapar sementara menunggu wang biasiswa atau bantuan masuk untuk bulan berikutnya," katanya.

1.5 juta terjejas air berbau

LRA Sungai Semenyih ditutup agar proses rawatan guna CHP dilaksanakan

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Bangi

Lebih 1.5 juta penduduk terjejas ekoran penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih akibat pencemaran bau sejak pagi kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy Sian berkata, pihaknya menjangkakan masalah air itu akan dapat dipulihkan dalam masa dua hingga tiga hari sekiranya indikator baharu berada pada paras sifar, semalam.

Menurutnya, siasatan mendapati bahan yang dibuang ke sungai adalah sisa kimia berjadual seperti minyak berwarna hitam dan bahan industri berbau di Bandar Bukit Mahkota, dekat sini.

"Operasi pembersihan sisa kimia sehingga paras bau mencapai bacaan ton sifar itu giat dijalankan sejak semalam (kelmarin) sebelum bekalan air dapat dilepaskan semula ke Sungai Semenyih untuk diproses di LRA.

"Pemantauan dan samsampelan itu dijalankan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) di Sungai Beranang dan sehingga jam 9.30 pagi tadi (semalam), paras bau mencapai ton sifar serta di harap berterusan bagi membolehkan bekalan air disalurkan semula ke sungai berkenaan untuk diproses," katanya ditemui di Loji Kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) di Bandar Bukit Mahkota, semalam.

Katanya, IWK dan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memantau paras bau agar air yang disalurkan kepada pengguna mengikut piawaian ditetapkan.

Menurutnya, pihaknya berharap insiden pencemaran air ini tidak akan berulang lagi sehingga menjejaskan banyak pihak. "Kerajaan negeri sudah menghantar kertas kerja



FOTO: AZHAR RAMLI

PENDUDUK, Mohd Fadzli Muskam, 46, menyusun tong dan bekas air susulan gangguan air akibat pencemaran bau di Sungai Semenyih di Kampung Riching Hillir, Bangi.

kepada Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (MESTECC) agar memasukkan bau sebagai piawaian baharu dalam penentuan bacaan kualiti air yang disalurkan kepada pengguna.

"Setakat ini, sebanyak 366 kawasan yang membabitkan 336,930 akaun pengguna di Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terjejas akibat masalah pencemaran air ini," katanya.

Pencemaran bau seakan-akan pelarut ini dikesan jam 7.50 pagi kelmarin sebelum pelepasan air dihentikan bagi membolehkan proses rawatan menggunakan *Catalyst Hydrogen Peroxide* (CHP) dijalankan.

“
Kami jangka masalah air akan pulih dalam dua hingga tiga hari sekiranya indikator baharu berada pada paras sifar
Hee Loy Sian



Kuala Lumpur: Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih belum beroperasi sepenuhnya susulan insiden pencemaran bau sejak kelmarin.

Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memaklumkan hingga kini Indah Water Konsortium dan pelbagai agensi lain seperti Lembaga Urus Air Selangor (Luas) giat membersihkan lubang kumbahan berhampiran loji rawatan kumbahan.

“Sehingga jam 6.30 pagi tadi (semalam), pencemaran bau berada di paras tiga ton dan LRA Sungai Semenyih belum boleh dioperasikan

Bantuan bekalan air kecemasan dihantar

sehingga bacaan mencapai paras sifar ton iaitu tiada langsung kesan pencemaran bau.

“Dalam perkembangan lain, LRA Bukit Tampoi yang juga menerima sumber air mentah dari Sungai Semenyih dihentikan tugas jam 3.30 petang semalam (kelmarin),” katanya menerusi satu kenyataan media, semalam.

Katanya, pemberhentian tugas dua loji ini mengakibatkan 366 kawasan dan 336,930 akaun terjejas iaitu

meningkat daripada jumlah dinyatakan kelmarin.

Tambahnya, bantuan bekalan air kecemasan terus dipergiatkan dan lori tangki digerakkan ke kawasan terjejas dengan keutamaan diberikan kepada pengguna serta premis kritikal dan kecemasan termasuk hospital.

“Selain itu, sebanyak 11 Pusat Khidmat Setempat (PKS) dan pili awam masih meneruskan operasinya 24 jam untuk membekalkan air kepada pengguna.

“Air Selangor menjangkakan tempoh pemulihan akan mengambil sedikit masa namun tindakan mempercepatkan proses pemulihan bekalan selepas loji kembali beroperasi giat dilakukan.

“Pengguna boleh merujuk aplikasi telefon bimbit, Facebook dan Instagram Air Selangor atau laman web www.airselangor.com untuk maklumat yang akan dikemas kini dari semasa ke semasa,” katanya.

23 Dec 2019
New Straits Times, Malaysia

Author: Teh Athira Yusof • Section: Local News • Audience : 36,278 • Page: 1TO3
Printed Size: 1641.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 56,566.69 • Item ID: MY0038250105



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3



NEWS / *Story of the day*

WATER DISRUPTION

'IT'S TIME TO GET SERIOUS'

Authorities should have taken better preventive measures, says expert

TEH ATHIRA YUSOF
SUBANG JAYA
news@nst.com.my

WITH three contamination cases having struck water treatment plants in the Klang Valley this year, questions have been raised over whether adequate security measures are in place to protect the country's water sources.

Experts and environmentalists believe that answers, and especially action, are needed to curb any more of such cases, which are preventable.

Water quality expert Dr Praveena Nair said the public must be educated on the importance of not disposing any waste into the river.

She said there still existed the misguided perception that anything liquid-based dumped into rivers would automatically be treated.

The public must be made aware that there was a difference between waste water treatment plants and sewage treatment plants.

Praveena underscored the importance of implementing the integrated water billing system in more states — introduced by the Water, Land and Natural Resources Ministry — as a key move to educating the public on the issue.

On Dec 20, Terengganu became

the first state in Peninsular Malaysia to implement the integrated water billing system with IWK for premises using connected sewerage service.

"This is not the first time that illegal dumping has affected Sungai Semenyih or any other rivers."

The illegal dumping of chemicals, which affected the Sungai Semenyih water treatment plant on Saturday, left 1.5 million people in several districts without water supply as the plant operations had to be shut down to ensure safety.

The National Water Services Commission (SPAN) yesterday confirmed that the illegal toxic disposal into the Indah Water Konsortium (IWK) sewage manhole at Bandar Bukit Mahkota was the cause of the odour pollution.

Praveena said SPAN and the Department of Environment should by right have a record of all chemical components from the companies that carry pollutants.

"If this is done, culprits will be less inclined to carry out such acts as they know the authorities would be able to track their activities," she said.

A water and sewerage industry expert, who wanted to remain anonymous, said the authorities should have taken better preventive measures.

"The authorities have pinpointed the location of the pollution to sewage manholes in Bandar Bukit Mahkota.

"These could have been sealed a long time ago, cutting off a potential outlet for unscrupulous parties to pollute. This should have been thought of well before.

"While it is fine and well to act



now and seal them, it's akin to locking the stable after the horses have bolted," said the expert.

